

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)
SEMPENA
SOFT LAUNCH MUROC 2011
DI PICC PUTRAJAYA
PADA 17 JANUARI 2011

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berbahagia, Dato' Madinah Binti Muhammad, Ketua Setiusaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Yang Berusaha Encik Abdul Rahim Bin Mohd. Noor, Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

The Honourable Mr Yeo Boon Tan, Assistant Sales Manager Microchip Asean,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil Media, seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, Syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izinNya, kita dapat bersama-sama pada petang ini untuk menjayakan majlis “Soft Launch Malaysian University Robot Competition” atau ringkasnya MUROC 2011. Alhamdulillah, first and foremost, I am most grateful to Allah, the most gracious and most merciful, for His blessings in giving us the opportunity gather here at the “Soft Launch Malaysian University Robot Competition” or MUROC 2011.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan buat seluruh Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam memastikan kelancaran majlis kita pada hari ini.

I would like to express my utmost gratitude and appreciation to all committee members in ensuring the success of this event.

Terima kasih juga kepada tetamu-tetamu kehormat atas kesudian hadir ke majlis kami yang tidak seberapa ini. Di
BAHAGIAN MEDIA PNC (SUHANA)

kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Microchip Asean kerana menjadi penaja utama MUROC 2011.

It is a great pleasure to welcome all the distinguished guests and I feel deeply honored by your presence here today. My highest appreciation goes to our main sponsor, Microchip Asean. Let us give a round of applause to them.

Sesungguhnya kerjasama dan komitmen anda semua amat kami hargai. Besarlah harapan saya juga, agar jalinan kerjasama ini dapat dipanjangkan di masa-masa akan datang. Your cooperation and commitment are greatly valued. And it is my hope that this cooperation will mark the beginning of a long-lasting relationship between both parties.

Hadirin dan hadirat sekalian,

MUROC 2011 merupakan satu projek yang amat bermakna untuk kami di UniMAP. Hal ini kerana, MUROC merupakan program cetusan idea Tuanku Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif.

MUROC 2011 is a significant project to us in UniMAP because the idea came from HRH Tuanku Syed Faizuddin Putra

BAHAGIAN MEDIA PNC (SUHANA)

Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, our Chancellor in an effort to produce creative and innovative students.

Penganjuran pertandingan ini merupakan salah satu strategi untuk melahirkan saintis dan jurutera yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa dan pada masa sama menguji kebijaksanaan dan kreativiti peserta dalam menyelesaikan masalah yang disediakan pihak penganjur sekaligus dapat menjadi pemenang dalam pertandingan ini.

The establishment of this competition is one of the strategies to produce scientists and engineers who could compete internationally and at the same time to measure their creativity and problem solving skill. Therefore these are the main criteria for selecting the winners of this competition. .

Secara tidak langsung, pertandingan ini jugak bertujuan untuk menguji kreativiti dan keupayaan para peserta menterjemahkan pengetahuan dan skill masing-masing dalam proses mencipta robot. Ia adalah selaras dengan hasrat kementerian untuk melahirkan mahasiswa yang kreatif dan sentiasa memiliki daya cipta terhadap sesuatu.

Indirectly, this competition also aims to test the creativity and the ability of participants in translating their knowledge and skills in the process of creating a robot. This is in line with the ministry's aspiration to produce students who are creative and constantly innovative.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Teknologi robot kini telah berkembang dengan pesatnya terutama di negara-negara barat. Teknologi robot bukan sahaja digunakan dalam urusan yang membabitkan pekerjaan, malah ia kini semakin meluas penggunaannya termasuk dalam melaksanakan kerja-kerja rumah yang mana penyelidikannya dijalankan oleh penyelidik dari universiti-universiti.

Robotic technology has grown rapidly, especially in the western countries. Robot technology is used not only in the industries, but now it is being widely used in carrying out household chores.

Perkembangan inovasi dan teknologi robotik ini merupakan asas kepada pertumbuhan dan kemajuan sesebuah negara. Ini adalah kerana inovasi dilihat sebagai pemangkin yang akan menentukan acuan dan kepantasan negara untuk menjadi sebuah negara maju.

The development of innovation and robotics technology is fundamental to the growth and wealth of a nation. This is because innovation is seen as the catalyst that will set the pace of the country in becoming a developed nation.

Perubahan teknologi pesat yang berlaku hari ini memerlukan kerajaan dan industri meletakkan inovasi dan daya kreatif sebagai faktor utama dalam memastikan anjakan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dapat dicapai.

Rapid technological changes that occur today require the government and the industry to position innovation and creativity as a key factor in ensuring the shift to knowledge-based economy is an attainable goal.

Selain itu, inovasi juga merupakan enjin untuk kemajuan negara. Jika ada enjin (inovasi), maka negara kita boleh maju. Ini kerana, tanpa inovasi dan kreativiti yang tinggi, sesebuah negara itu pasti akan mundur.

In addition, innovation is the core for national development. Without innovation and creativity, a nation would never move forward and progress.

Maka atas sebab itulah, kami di UniMAP sentiasa mementingkan aspek penyelidikan dan inovasi. Dan atas sebab itulah juga, kita telah berjaya mendapat penarafan 3 bintang melalui penilaian MyRA yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Lebih membanggakan apabila penarafan 3 bintang ini membolehkan UniMAP menghuni kedudukan ketujuh dari kesemua 20 IPTA di Malaysia.

UniMAP pays great attention in the aspects of research and innovation. And for that reason, we managed to acquire 3-star rating by MyRA which is conducted by the Ministry of Higher Education. And this rating has seen UniMAP to be placed at the seventh position among 20 public universities in Malaysia.

Justeru, aspek penyelidikan dan Inovasi ini akan terus diberikan penekanan sebagaimana yang terkandung dalam Penetapan Strategik dan Hala Tuju UniMAP untuk tahun 2011-2015.

Thus, the dimension of research and innovation will continue to be emphasized in line with the Strategic Planning for 2011-2015.

Melalui flagship High Impact Research, kami di UniMAP amat berharap agar bilangan produk penyelidikan dapat ditingkatkan dan pada masa sama proses pengkomersialan juga akan diberikan tumpuan yang serius.

Through the flagship of High Impact Research, UniMAP hopes to increase the number of research products and at the same time, focal attention will also be given to the commercialization process.

Antara lain yang kami sasarkan menerusi flagship ini ialah :

- Menjadi Universiti penyelidikan *teknikal/Technical Research University* (TRU)
- Meningkatkan penulisan jurnal penyelidikan berimpak tinggi
- Memperbanyak penulisan jurnal penyelidikan bersiti tinggi
- Menghasilkan paten yang berkualiti ke arah pengkomersilan
- Meningkatkan nilai geran kerajaan dan swasta
- Melipatgandakan pengiktirafan penyelidikan antarabangsa

Among the agenda aimed through the flagships are:

Becoming the Research Technical University

Increasing the number of high impact research journals

Intensifying research journal of high citation

Producing quality patents for commercialization

Increasing the value of government grants and private

Intensifying international research recognition

Ini kerana, kami melihat dan merasakan bidang penyelidikan dan pembangunan inovasi ini mampu menjadi satu bidang penjana pendapatan utama sekiranya dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

This is because we believe that research and innovation development could generate a major income if used effectively.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya tidak ingin mengambil masa yang lama untuk berucap. Tetapi sebelum itu, ingin saya maklumkan bahawa, pihak kami amat bersyukur kerana usaha penganjuran MUROC 2011 ini mendapat perhatian daripada pihak Microchip Asean yang bersetuju menghulurkan penajaan berjumlah RM35,000.

I do not wish to take your time over a long speech. But allow me to once again express my gratitude to Microchip Asean for the handsome sponsorship amounting to RM35 000. I am glad that MuROC 2011 has caught your attention.

Selain itu, pihak Razz Design juga turut bermurah hati menghulurkan penajaan berjumlah RM10,000 bagi menjayakan lagi pertandingan ini. Terima kasih sekali lagi.

On the other note, many thanks to Razz Design for sponsoring RM10 000 in support to making this competition successful. Thank you for your generosity.

Akhir kata, semoga pertandingan ini mampu melahirkan mahasiswa yang berteknologi dan berinovasi tinggi.

Last but not least, it is my wish that this competition would be

able to produce high tech and innovative graduate of the future.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Thank you. Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.